

Acyclovir STADA Cream

Acyclovir 50 mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Acyclovir STADA Cream
2. Bagaimana Acyclovir STADA Cream berfungsi
3. Sebelum mengambil Acyclovir STADA Cream
4. Cara menggunakan Acyclovir STADA Cream
5. Semasa menggunakan Acyclovir STADA Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Acyclovir STADA Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Acyclovir STADA Cream

Acyclovir STADA Cream adalah ubat untuk rawatan jangkitan virus (agen antivirus). Ia digunakan untuk rawatan jangkitan virus herpes simplex atas kulit termasuk genital labialis awal dan berulang.

Bagaimana Acyclovir STADA Cream berfungsi

Acyclovir adalah ubat antiviral yang bertindak ke atas sel-sel yang dijangkiti dengan mencegah pertumbuhan virus.

Sebelum mengambil Acyclovir STADA Cream

Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda alergic (hipersensitif) terhadap acyclovir atau mana-mana ramuan Acyclovir STADA Cream yang lain.

Sebelum anda mulamengambil

- Sila bincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil Acyclovir STADA Cream.
- Situasi yang diterangkan sini berkaitan dengan keadaan-keadaan tertentu mana Acyclovir STADA Cream perlu digunakan dengan berhati-hati. Bincangkan dengan doktor anda jika keadaan ini dikenakan kepada anda sebelum ini. Pastikan anda memaklumkan doktor anda sebelum memulakan terapi jika anda mengalami

immunocompromised yang serius (iaitu jika sistem imun badan anda terjejas dengan teruk).

Jika mengambil ubat-ubat lain

- Tiada interaksi dengan ubat lain diketahui setakat ini.

Cara menggunakan Acyclovir STADA Cream

Berapa banyak harus diambil

- Arahan yang diberikan di bawah diguna pakai melainkan jika doktor telah mempreskripsikan Acyclovir STADA Cream sebaliknya untuk anda.
- Sila patuhi arahan-arahan ini dan/atau arahan-arahan doktor anda untuk terapi Acyclovir STADA Cream yang selamat dan berkesan.
- Menggunakan selapis cream ke atas kulit yang dijangkiti 5 kali sehari setiap 4 jam.
- Semasa anda menggunakan Acyclovir STADA Cream, pastikan untuk meliputi bukan sahaja kawasan-kawasan yang mempunyai tanda-tanda jangkitan herpes (vesikel, bengkak, kemerahan) tetapi sekitarnya juga.

Bila perlu diambil

- Bagi respons yang paling baik, rawatan Acyclovir STADA Cream perlu bermula seawal mungkin, iaitu sebaik sahaja anda perhatikan tanda-tanda pertama herpes (kepanasan, kegatalan, ketidakselesaan, kemerahan).

Berapa lama perlu diambil

- Doktor akan menentukan berapa lama anda perlu meneruskan terapi Acyclovir STADA Cream. Rawatan biasanya berterusan selama 5 hari tetapi perlu berdasarkan pesakit tersebut dan berterusan sehingga vesikel kerak atau sembuh dicapai. Walaubagaimanapun, tempoh terapi tidak boleh melebihi 10hari.

Jika terlupa mengambil

- Meneruskan terapi seperti yang dipreskripsikan (maka jangan menggunakan cream lebih kerap dan tidak menggunakan lebih cream).

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Dos yang berlebihan tidak mungkin berlaku, jika cream digunakan dengan tepat seperti yang diarahkan. Tiada laporan mengenai dos berlebihan Acyclovir STADA Cream.

Semasa menggunakan Acyclovir STADA Cream

Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa menggunakan Acyclovir STADA Cream tepat seperti yang diberitahu doktor atau ahli farmasi. Anda harus semak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.
- Jika anda menggunakan Acyclovir STADA Cream dengan tangan anda, pastikan untuk membasuh ini sehingga bersih sebelum dan selepas penggunaan untuk mencegah jangkitan ke atas kulit dengan sistem imun terjejas (dengan bakteria dan sebagainya) dan/atau virus dibawa ke kawasan lain, seperti mukosa atau kulit yang tidak dijangkiti lagi.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan menggunakan Acyclovir STADA Cream pada membran mucus (misalnya rongga mulut, mata atau vagina) untuk mengelakkan kerengsaan tempatan.
- Jangan menggunakan produk ini selepas tarikh luput.

Perkara yang perlu diambil perhatian

- Apabila menggunakan Acyclovir STADA Cream di kawasan genital atau anal dan kondom lateks pada masa yang sama, rintangan kondom kepada koyakan boleh dikurangkan oleh paraffin dan jeli petroleum

Acyclovir STADA Cream

Acyclovir 50 mg

yang terkandung di dalam Acyclovir STADA Cream, menjejaskan kebolehpercayaan kondom.

White soft paraffin, Propylene glycol.

Nombor MAL:

MAL19983994AZ

Kesan-kesan sampingan

- Sekiranya anda mengalami sebarang kesan buruk yang tidak diterangkan dalam Sisipan ini, sila pastikan anda maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi.
- Penggunaan Acyclovir STADA Cream boleh menyebabkan kepanasan transien atau menyegat di kawasan kulit yang dirawat. Kemerahan, pengeringan dan bersisik kadang-kadang diperhatikan pada kulit yang dirawat dengan Acyclovir STADA Cream.

Pengilang

STADA Arzneimittel AG,
Stadastraße 2-18,
D-61118 Bad Vilbel,
Germany

Pemegang Pendaftaran Produk

DKSH Malaysia Sdn Bhd,
B-11-01, The Ascent, Paradigm
No.1, Jalan SS7/26A, Kelana Jaya
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tarikh kemaskini RiMUP

30/08/2023

Nombor Siri

NPRA(R2/2)240229/1214

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Cara penyimpanan dan pelupusan
Acyclovir STADA Cream**

Penyimpanan

- Jangan gunakan produk ini selepas 12 bulan selepas pembukaan.
- Jangan simpan di atas 30°C.

Pelupusan

- Ubat tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

- Acyclovir STADA Cream adalah cream putih atau putih-kekuningan.
- Ia tersedia dalam pek 2g dan 5g.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:
Bahan aktif ialah acyclovir.
- Bahan tidak aktif:
Ramuan lain ialah Stearoyl macroglycerides, Dimeticone, Cetyl alcohol, Liquid paraffin, Purified water,